

## **EDARAN MEDIA** *Untuk Liputan Segera*

### **BUKAN SEKADAR PASAR MALAM BIASA** *Kunjungi Selangor Syurga Makanan Dan Membeli Belah*

**21 Mac 2018** – Bila disebut nama Selangor sudah tentu pelancong akan ingat Bukit Melawati, Bukit Jugra dan Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Tapi tahukah anda bahawa Selangor juga mempunyai lokasi yang wajib anda kunjungi iaitu pasar malam. Disini merupakan beberapa senarai pasar malam di Selangor yang wajib anda kunjungi!

**Pasar Tani Shah Alam** atau lebih dikenali sebagai Pasar Karat terletak di tapak lapang Stadium Shah Alam Seksyen 13. Saya percaya rata-rata penduduk Negeri Selangor pasti mengetahui kewujudan Pasar Tani Seksyen 13 ini. Bagi yang masih belum mengetahui, kami sarankan anda untuk menambah lokasi ini sebagai destinasi baharu anda sekeluarga untuk dijadikan aktiviti hujung minggu, aktiviti berjalan atau membeli-belah di pasar dan sebagainya.

Tarikan utama Pasar Tani adalah makanan dan barangan vintage. Diamana ianya terkenal dengan "Syurga Makanan" kerana mempunyai pelbagai jenis gerai jualan makanan tidak kira makanan berat mahupun makanan ringan seperti kambing bakar, nasi lemak, pelbagai jenis aneka sup, buah-buahan dan banyak lagi. Malah barang basah seperti ikan, daging juga ada jual disini. Seterusnya, Pasar Tani atau Pasar Karat juga terkenal dengan barangan perhiasan rumah seperti alas meja, perhiasan bunga, perkakas dapur dan pelbagai jenis perhiasan yang pastinya akan membuatkan anda rambang mata untuk memilih. Pasar ini mula beroperasi seawal jam 7.00 pagi sehingga jam 2.00 petang pada setiap hari ahad.

**Pasar Setia Alam** terletak di Setia Alam ini dibuka setiap hari Sabtu bermula jam 6.00 petang sehingga 11.00 malam. Pasar ini telah terkenal dengan gelaran pasar malam yang terpanjang di Malaysia dimana menempatkan lebih 30 buah khemah jualan sepanjang 2.2 km dari pintu masuk pasar sehingga hujung pasar malam itu.

Apabila jejaknya kaki anda kesini, tentunya membuatkan anda akan berasa kagum dengan kepanjangan pasar malam yang menempatkan lebih 30 buah khemah jualan daripada pelbagai jenis makanan yang terdiri daripada makanan Melayu, Cina dan juga India. Bukan itu sahaja, pasar malam ini juga ada menjual beberapa jenis barangan seperti sayur-sayuran, perkakas dapur, pakaian dan banyak lagi yang sememangnya membuatkan anda merasa ghairah untuk membeli semua barangan dan membuatkan anda rambang mata untuk membeli setiap makanan yang ada di situ.

Pasar malam terpanjang sudah pasti akan membingungkan para pelanggan dimana untuk meletakkan kenderaan. Jangan risau, kerana kawasan ini memiliki tapak meletakkan kenderaan yang strategik dan lokasinya yang selamat. Sediakan wang dan jom mulakan langkah terokai pasar malam terpanjang di Malaysia.

**Pasar Malam SS2** ini pula terletak di Subang Jaya yang dibuka pada setiap hari isnin merupakan salah satu pasar malam yang terkenal di Lembah Klang. Pasar malam ini juga boleh dikategorikan sebagai “Syurga Makanan” buat penggemar pemburu makanan yang unik kerana terdapat pelbagai jenis makanan yang pasti menaikkan ghairah si pembeli.

Antara makanan yang wajib dibeli di Pasar Malam SS2 adalah Okonomiyaki, Kueh Mueh, Boa Cendawan, Cheese Fruit Tart, Taiwanese Sausage, Peanut Soup, Mat Nga Tong (sejenis madu), Thai Prawn Salad, Colourful Dim Sum, Apam Balik, Coconut Ice Cream, Popia Sambal dan banyak lagi jenis makanan yang boleh anda temui.

**Pasar Malam Pusat Bandar Shah Alam (Uptown)** merupakan salah satu lokasi menarik apabila menjelang waktu malam yang wajib di kunjungi jika berada di Shah Alam. Pasar malam atau lebih dikenali sebagai Uptown Shah Alam yang mempunyai lebih 450 tapak perniagaan ini terletak di Kompleks Muhibbah Shah Alam Seksyen 24 yang diuruskan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Berbanding uptown lain yang ada di Malaysia, Uptown Shah Alam Seksyen 24 adalah Uptown yang paling ramai pengunjungnya tidak kira didalam negeri mahupun di luar negeri Selangor khususnya apabila lewat malam dan tiba musim perayaan.

Jika dilihat dari sudut luar, Uptown Shah Alam ini kelihatan agak sunyi dan kecil. Tetapi, apabila anda menjejakkan kaki ke dalam anda boleh merasai keriuhan suasana membeli belah ditambah pula dengan persembahan daripada “live band” dan karaoke daripada pengunjung. Suasana dan lokasi di Kompleks Muhibbah ini sememangnya selesa dengan adanya susunan kedai yang sistematik dan cahaya lampu yang terang akan membuatkan anda berasa selamat berjalan dan membeli-belah bersama keluarga.

Selain itu, Uptown Shah Alam menyediakan pelbagai kemudahan fizikal seperti tandas awam, surau, tapak hiburan, tapak meletakkan kenderaan dan pelbagai pilihan kedai makanan dan minuman disekitar kompleks. Pelbagai jenis barangan yang boleh anda miliki seperti pakaian, makanan, barangan vintage, koleksi permainan, barangan kecantikan dan pelbagai lagi.

**Uptown Damansara** terletak di Damansara Utama menawarkan pelbagai barangan jualan yang menempatkan sebanyak 300 tapak perniagaan. Bangun dengan wajah baharu dan lebih sistematik kini Uptown Damansara lebih dikenali dengan peningkatan jumlah pengunjung hari demi hari.

Uptown sememangnya terkenal dengan penjualan barang-barangan murah dengan kualiti yang memuaskan dan berkemampuan, sudah tentu lokai ini menjadi pilihan kedua selepas pusat membeli belah. Pelbagai barangan yang boleh anda miliki seperti pakaian, kosmetik, barang telekomunikasi dan banyak lagi.

Malah bukan itu sahaja, antara keistimewaan Uptown Damansara adalah pengunjung boleh menjamu selera dan melepaskan dahaga selepas penat mencuci mata dan membeli belah. Pilih sahaja jenis makanan yang digemari semuanya sudah tersedia didepan mata seperti burger bakar, makanan laut, rojak, sup dan bermacam makanan dan minuman yang ada.

- TAMAT -

---

**Untuk Makluman Lanjut:**

**Saffa' Liyana binti Mohd Shabuddin**

Jabatan Komunikasi Korporat  
No.tel : +6012-244 2210  
*E-mel* : [saffa\\_comm@tourism Selangor.org](mailto:saffa_comm@tourism Selangor.org)

**Muhamad Nur Nasrullah bin Mohammed Ghazali**

Eksekutif Jabatan Komunikasi Korporat  
No.tel : +6017-256 2849  
*Em-el* : [nasrullah@tourism Selangor.my](mailto:nasrullah@tourism Selangor.my)

**Ahmad Nazri Tashriq bin Rahmat**

Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat  
No.tel : +6016-207 6951  
*E-mel* : [nazri@tourism Selangor.my](mailto:nazri@tourism Selangor.my)

[Laman web: www.tourism Selangor.my](http://www.tourism Selangor.my)



Pasar Tani Shah Alam



Pasar Malam Setia Alam



Pasar Malam SS2



Uptown Shah Alam